

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



*Decrypt your
visual creativity*

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic
Partners:



Lembaga Muzium
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat
University, Thailand



Far Eastern University
Philippines



Hanseo University
Korea



كليات التقنية العليا
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Copyright ©2021
by the Faculty of Art and Design,
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim
 : Syahrini Shawalludin
 : Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim
 Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan
 Juaini Jamalludin
 Syahrini Shawalludin
 Siti Fairuz ibrahim
 Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)
Percetakan-Offset-Digital-Penjualan
5-3-18, The Promenade,
Permaisuri Mahsuri,
11950, Bayan Baru,
Pulau Pinang, Malaysia
sinaranbros.digital@gmail.com



Hamdan Lias

'Line of The Seasons'

'LINE OF THE SEASONS', membawa maksud garisan merupakan unsur seni yang paling asas kepada pereka untuk menghasilkan pelbagai ilham rekaan khususnya reka corak batik. Garisan merupakan satu siri titik-titik dengan sambungan titik-titik maka wujudlah garisan. Garisan dihasilkan dengan menggunakan suatu alat atau media yang bermula dari suatu titik permulaan merentasi sesuatu kawasan hingga terbina satu objek.

Selain itu, garisan juga terdapat pada benda alam dan benda buatan manusia. Sebagai contoh garisan pada benda buatan manusia iaitu garisan pada tali, bakul anyaman, kain tenunan, bangunan, tayar kereta, corak fabrik, jala, penapis dan sebagainya. Garisan pada alam semulajadi juga dapat dilihat pada garisan pada batu, haiwan dan tumbuhan seperti akar tumbuhan, tali, urat-urat daun, ombak di lautan, titis-titis hujan, kulit haiwan dan tumbuhan, batu marmar, kulit kayu dan sebagainya. Melalui jalinan kualiti garisan dapat menimbulkan kesan penegasan dalam penghasilan karya mahupun reka corak batik yang hendak dihasilkan. Inspirasi karya yang dihasilkan ini adalah bertemakan kehidupan manusia yang penuh dengan keindahan dan kepahitan. Jalinan garisan yang terdiri daripada pelbagai jenis, arah, saiz atau

ketebalan dan warna menggambarkan setiap insan mempunyai identiti dan perjalanan hidup yang berbeza dan berlainan di antara satu sama lain. Setiap insan mempunyai kebaikan dan kelemahan tersendiri, namun jika mereka bersatu padu, segala-galanya akan menghasilkan rasa keindahan dan ketenangan. Jelas kelihatan adalah kesan jalinan tampak secara semulajadi seperti apa yang terdapat pada prinsip rekaan iaitu rentak, arah dan ulangan serta kesan garisan yang tebal dan nipis.

Pengkarya akan cuba menghasilkan karya batik dengan menggunakan kesan sapuan lilin pada berus yang mempunyai pelbagai saiz tebal, nipis dan halus seperti yang terdapat pada tema karya tersebut. Tindanan warna yang berlapis-lapis menonjolkan kesan ruang iaitu terang dan gelap. Proses membatik adalah dari hasil sapuan yang spontan yang dilakukan secara berperingkat iaitu melalui proses tindanan lilin dan juga warna. Kajian warna telah dilakukan seperti apa yang terdapat dalam contoh di atas dan memudahkan lagi kaedah mewarna. Ton warna yang bermula pada ton cerah ke gelap dan tindanan lilin serta warna adalah berperingkat ini dapat dilihat pada proses gerak kerja di bawah ini. Konsep warna adalah sama seperti tema kehidupan dan terdiri daripada warna-warna hitam dan hitam kebiruan, hitam kecokelatan, kelabu kebiruan dan berton cerah ke gelap.

Seterusnya, terdapat juga warna oren kecokelatan serta terdapat ton-ton yang cerah ke gelap. Warna-warna yang digunakan terdiri daripada ton gelap dan cerah yang menggambarkan perjalanan setiap insan yang mengalami saat suka dan duka. Setiap insan di dunia ini mengimpikan kebahagiaan dalam melalui liku-liku kehidupan.



HAMDAN LIAS


'Line Of The Seasons'

Batik Atas Kain Kapas
47 inci x 36.5 inci
hamdan867@uitm.edu.my

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1



9 789672 948131

